

# **Pendaftaran Perniagaan Melalui Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi Usahawan Kumpulan B40 dan Pelajar IPT Sepenuh Masa**

1. Berkuatkuasa pada 4 Februari 2021, Usahawan Kumpulan B40 dan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) yang ingin mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 akan dikecualikan daripada dikenakan sebarang bayaran. Skim ini dilaksanakan sehingga peruntukan geran ini habis digunakan.
2. Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) SSM ini ditambahbaik bagi membantu lebih ramai golongan usahawan Kumpulan B40 yang terkesan akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara.
3. SPPP ini diberikan untuk tempoh satu tahun perniagaan sahaja (1 kali permohonan sahaja) sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini dijalankan. Pembaharuan dan cawangan sekiranya ada dikenakan bayaran seperti biasa.
4. Pengecualian Fi pendaftaran perniagaan adalah seperti berikut:
  - (a) Perniagaan milikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan – RM30 setahun;
  - (b) Perniagaan milikan tunggal atau perniagaan perkongsian (rakan kongsi terdiri dari kategori kumpulan yang layak memohon skim ini) menggunakan nama tred – RM60 setahun; dan
  - (c) Cetakan maklumat – RM10.
5. Kategori Permohonan yang layak untuk skim ini seperti berikut:
  - (a) Kategori **Usahawan Kumpulan B40**:
    - (i) Warganegara & Penduduk Tetap berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan;
    - (ii) Penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPN 2.0) bagi golongan B40 atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR); dan
    - (iii) Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM.
  - (b) Kategori **Pelajar IPT Sepenuh Masa**:
    - (i) Warganegara & Penduduk Tetap berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan;
    - (ii) Pengajian belajar/kursus secara sepenuh masa di mana-mana IPTA/ IPTS/ Politeknik/ Kolej/ Institut Kemahiran/ Pusat Kemahiran di dalam negara; dan
    - (iii) Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM.
6. Pemohon boleh memilih untuk mendaftar perniagaan pemilikan tunggal atau perkongsian (rakan kongsi hendaklah terdiri dari 2 kategori yang dinyatakan sahaja) seperti dinyatakan di perkara 5).

7. Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara atas talian di [ezbiz.ssm.com.my](http://ezbiz.ssm.com.my). Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online terlebih dahulu. Sila rujuk [Tatacara Mendaftar Akaun Pengguna Ezbiz](#) dan [Tatacara Pengguna Ezbiz Pendaftaran Perniagaan Baru \(Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin\)](#)

Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi pusat panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel ke [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).

**'PERNIAGAAN ADA BERMULA DI SSM'**